



PAHIT GETIR PEMBINAAN TUGU NEGARA

Teks dan foto: Rasfan Abu Bakar

Pada bulan Oktober 1960, Tunku Abdul Rahman mendapat satu ilham untuk mendirikan sebuah tugu peringatan bagi mengenang pengorbanan para perajurit yang berjuang untuk keselamatan negara. Ilham itu muncul setelah Tunku melihat Tugu Peringatan Iwo Jima, Arlington, Virginia, ketika lawatannya ke Amerika Syarikat. Tunku yang tertarik dengan arca tersebut telah membuat satu pertemuan secara peribadi dengan pengarcanya yang bernama Felix de Weldon.

Felix de Weldon merupakan seorang seniman warganegara Amerika kelahiran Austria yang begitu popular dengan karya yang mengangkat askar-askar sebagai subjek dalam arcanya. Dalam pertemuan tersebut, Tunku telah menyatakan hasratnya agar sebuah tugu yang serupa turut didirikan di Malaya (Malaysia). Hal ini sebagai usaha untuk mengenang jasa dan pengorbanan para wira negara yang berjuang menentang komunis sepanjang tempoh darurat di antara tahun 1948 hingga 1960.

Menurut sejarah, Tugu Negara yang asal merupakan binaan sebatang tiang, atau pun lebih dikenali sebagai Cenotaph, yang

dibina oleh British pada tahun 1920. Lokasinya pula terletak di Jalan Tugum iaitu di Bulatan Stesen Kereta Api Kuala Lumpur. Kemudian, pada tahun 1960, tugu ini dipindahkan ke lokasi sekarang dan dinamakan sebagai Tugu Peringatan.

Pada tahun 1963, kerja-kerja pembinaan bermula di Kompleks Tugu Negara, Bukit Perwira, Kuala Lumpur. Pembinaan tersebut selesai sepenuhnya pada awal tahun 1966 dan kemudiannya dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin pada 8 Februari 1966. Turut hadir pada majlis perasmian tersebut ialah Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, Presiden Korea, Chung Hee Park dan 100 waris pahlawan yang gugur pada tempoh darurat pertama, iaitu pada tahun 1948.

Bagi merasmikan majlis tersebut, Yang di-Pertuan Agong telah menyingkap tirai kuning yang menutupi nama tugu serta diiringi tiupan trompet dengan irama yang menghibakan. Serentak dengan itu, bendera Malaysia perlahan-lahan dinaikkan ke puncak tiang yang dipegang oleh satu daripada patung pada



Aksi anggota tentera yang menjadi model pembinaan Tugu Negara.

tugu tersebut.

Tugu ini terdiri daripada tujuh buah patung gangsa. Lima daripadanya ialah askar Melayu dan selebihnya pula ialah komunis. Setiap patung gangsa tersebut melambangkan pimpinan, getir, persatuan, siap sedia, kekuatan, keberanian, dan pengorbanan. Tugu ini berdiri setinggi 15 meter dan asasnya

terdiri daripada batu zamrud pejal yang diimport dari Sweden berbentuk bujur 30 kaki panjang, 96 kaki lebar dan 3.4 kaki tinggi. Acuan patung gangsa dibuat di Itali dan tiba di Port Swettenham, iaitu Pelabuhan Klang, dengan kapal M.V. Express pada Jun 1965. Tugu ini juga merupakan arca berkumpulan yang tertinggi di dunia.

Pada subuh 26 Ogos 1975, kira-kira pada pukul 5 pagi, arca tugu negara telah diletupkan oleh pihak pengganas komunis dengan menggunakan bom. Hal ini terjadi kerana pihak komunis begitu benci dengan simbol yang didirikan oleh pihak kerajaan. Akibat daripada letupan itu, sebuah patung musnah manakala dua kepala patung terputus dan jatuh daripada kedudukan asal. Pihak polis turut menemui dua butir bom yang belum meletup pada arca tersebut dan kesan darah dipercayai milik pengganas yang cedera, tetapi masih sempat melarikan diri.

Ilham itu muncul setelah Tunku melihat Tugu Peringatan Iwo Jima, Arlington, Virginia, ketika lawatannya ke Amerika Syarikat. Tunku yang tertarik dengan arca tersebut telah membuat satu pertemuan secara peribadi dengan pengarcanya yang bernama Felix de Weldon.

Proses Baik Pulih

Bagi mengelakkan kesan letupan menjadi semakin parah, kerja-kerja baik pulih tugu perlu dilakukan dengan segera. Hal ini bagi memastikan arca tersebut terus berdiri megah, selain memberikan isyarat kepada pengganas komunis bahawa perbuatan tersebut tidak akan memberikan kesan terhadap kestabilan negara. Satu pasukan khas telah ditubuhkan bagi membaik pulih arca yang telah diletupkan itu. Tugas berat ini disandarkan kepada seorang bekas pensyarah jurusan seni arca Institut Teknologi MARA (ITM), iaitu Christopher B. Carney.



Proses baik pulih arca Tugu Negara.

Warganegara Australia itu tidak keseorangan dan turut dibantu oleh tiga orang bekas pelajarnya dari ITM, iaitu Mufti Jantan, Abdul Mansoor Ibrahim dan Zolkeply Maulana. Bagi melicinkan tugas ini, mereka juga dibantu oleh pelbagai agensi kerajaan, seperti Radio Televisyen Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Kimia. Semua usaha ini diketuai oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam sendiri, iaitu Datuk Aziz Zakaria.

Aspek yang diberikan perhatian ketika proses membaik pulih arca ini ialah menghasilkan semula paten acuan pada bahagian yang rosak, menghasilkan model arca tugu berpandukan tanah liat, menyambung semula bahagian yang tertanggal dengan kaedah mengimpal, mengilatkan semula permukaan gangsa dan kemas akhir permukaan arca. Bagi proses mengimpal, mereka mendapatkan khidmat pakar kimpal gangsa daripada JKR. Rod tembaga yang digunakan bagi proses kimpalan turut ditempah khas dari Jerman dan kemudiannya diacukan di Gong Kapas, Terengganu. Struktur arca ini juga diperkukuhkan dan lebih tebal daripada yang asal. Arca patung ini pada asalnya berwarna hijau, kemudiannya dicat dengan warna hitam dan kekal hingga hari ini. Selain itu, ada juga pihak tertentu yang meminta agar wajah patung ini diubah kerana dikatakan tidak mirip seperti wajah askar Melayu.



Tun Abdul Razak melihat keadaan arca yang diletupkan oleh komunis.

Akhirnya, kerja baik pulih berjaya diselesaikan setelah dua tahun bertungkus-lumus menyiapkan tugas tersebut di kawasan lapang berhampiran Tugu Negara. Kerja baik pulih ini menelan belanja sebanyak RM 1.4 juta dan dapat disiapkan dengan lebih awal daripada tarikh asal. Kini, arca Tugu Negara megah berdiri dan menerima kunjungan para pelancong dari luar negara dan menjadi satu daripada tempat warisan yang bersejarah.



Arca yang pecah dan rosak akibat diletupkan oleh komunis menggunakan bom.



Tunku Abdul Rahman melihat kesan arca yang rosak.

Model Askar Tugu Negara

Arca yang diukir oleh Felix de Weldon ini berdasarkan kepada rupa anggota tentera Melayu. Antara anggota tersebut termasuklah Mat Shupur Khamis yang pada ketika itu bertugas di Kem Askar Sungai Besi. Terdapat kira-kira 60 anggota telah dipanggil untuk menjalani sesi pemilihan model askar tugu negara.

Semua anggota ini dinilai melalui pelbagai perkara, antaranya termasuklah aksi ketika berjalan, bertempur dan ekspresi raut wajah. Mereka juga perlu berlakon seolah-olah sedang bertempur dengan musuh kerana panel pemilihan ingin melihat reaksi mereka apabila berjaya memerangi pihak musuh. Bagi memudahkan kerja, mereka telah dipecahkan kepada beberapa kumpulan dan kemudiannya disaring menjadi kumpulan yang akhir. Antara aksi yang dilakukan termasuklah menjadi watak manusia yang terbaring di bahagian bawah tugu. Aksi tersebut berterusan selama setengah jam dan sepanjang waktu itu, Mat Shupur terpaksa mengeraskan badannya kerana ditindih oleh rakan-rakannya yang lain.

Selain itu, terdapat seorang lagi perajurit yang turut terpilih untuk dijadikan model kepada Tugu Negara. Namanya ialah Zainal Buyong, atau lebih mesra disapa sebagai Pak Zainal. Bercerita tentang kisahnya, setelah pulang daripada operasi di hutan pada tahun 1958, Pak Zainal kembali ke berek tentera di kem Ipoh Road, yang kini dikenali sebagai Kem Batu Kentonmen, dan telah dipilih secara rawak oleh pengarca Felix de Weldon serta seorang juru foto berbangsa Inggeris.

Pak Zainal pada mulanya keberatan tetapi akhirnya akur setelah diberitahu bahawa model mestilah seorang anggota tentera dan menjadi satu kesalahan jika beliau enggan mematuhi arahan tersebut. Justeru itu, Pak Zainal bersetuju dan memulakan sesi rakaman foto. Pada awalnya, beliau diletakkan di bahagian bawah, kemudian kedudukannya diubah. Hal ini disebabkan oleh badan kawannya yang agak gempal berada di atas tidak dapat ditampung oleh rakan yang berada di sebelah bawah.

Pak Zainal yang bertubuh kurus itu kemudiannya mengambil posisi di atas dan posisi tersebut menjadi pilihan pengarca. Pada hari ini, jika anda melihat perajurit yang memegang bendera Malaysia di Tugu Negara, itulah wajah dan susuk tubuh Pak Zainal.



Tunku Abdul Rahman bersama-sama Felix de Weldon (kanan).



Tugu Negara kini menjadi tempat tumpuan pelancong.

Penulis merupakan pensyarah seni visual di Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA).